



● **KETUA** Hakim Negara Tun Mohd Suffian Hashim sebagai Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Tun Abdul Razak sedang menunjukkan kepada para pemberita buku cenderamata upacara penyampalan anugerah Tun Abdul Razak, dalam satu sidang akhbar di Rumah Universiti, Universiti Malaya semalam.
Di kiri ialah Tan Sri Fatimah Hashim, yang juga anggota Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Tun Abdul Razak.

3 tokoh terima anugerah Tun Abdul Razak hari ini

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR 10
Mac — Jasa-jasa, pengorbanan, bakti dan latarbelakang tiga orang tokoh yang menerima anugerah Tun Abdul Razak tahun ini akan ditonjolkan dalam ucapan penganugerahan di satu upacara di Dewan Tunku Canselor Universiti Malaya di sini esok.

Ketiga-tiga mereka ialah Naib Presiden Republik Indonesia, Tun Adam Malik, bekas Menteri Kewangan, Tun Tan Siew Sin dan Gabenor Bank Negara, Tan Sri Ismail Ali.

Penerima anugerah itu yang keempat ialah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA).

Seorang jeneral dan dua tokoh wanita dipilih untuk menyampaikan ucapan penganugerahan bagi ketiga-tiga tokoh yang menerima anugerah itu.

Bekas Ketua Turus Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Abdul Hamid akan membuat ucapan penganugerahan bagi Tun Adam Malik, isteri Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah, Tan Sri Fatimah Hashim bagi Tun Tan dan Puan Azah

Aziz untuk Tan Sri Ismail Ali.

Aturcara ini telah diumumkan oleh Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Tun Abdul Razak, Ketua Hakim Negara, Tun Mohamed Suffian Hashim di satu sidang akhbar hari ini.

FELDA akan diwakili oleh pengerusi lembaga itu, Tan Sri Raja Alias, untuk menerima anugerah tersebut.

Kejayaan

Anugerah itu berupa satu pingat bertatah emas, sijil dan wang tunai \$30,000 tiap satu. Nama para pemenang itu telah diumumkan baru-baru ini.

Antara jasa-jasa Tun Adam yang akan ditonjolkan ialah kejayaan-kejayaannya menjalin semula hubungan Malaysia—Indonesia setelah teretusnya konfrontasi kedua-dua negara.

Bila beliau memegang jawatan Menteri Luar Indonesia dalam tahun 1967 banyak kejayaan dicapainya, terutama terbentuknya ASEAN

serta pencapaian ASEAN dalam bidang politik dan diplomatik.

Tun Tan pula di samping berusaha menyatupadukan rakyat Malaysia berbilang kaum, beliau juga merupakan seorang tokoh yang gigih, tegas dan pragmatis semasa menjawat jawatan Menteri Kewangan.

Beliau telah mendapat sanjungan Bank Dunia kerana menaikkan imej negara sebagai kawasan pelaburan yang menguntungkan dalam dunia perdagangan antarabangsa.

Selama 18 tahun menjadi Gabenor Bank Negara, Tan Sri Ismail Ali tidak dikenali ramai meskipun ramai membawa tandatangan mereka dalam saku mereka, tetapi beliau dapat mengkagumkan cendekiawan Eropah, terutama kalangan kewangan hingga menggelarkannya 'suatu legenda sezaman'.

Setelah menumpukan tenaganya kepada bank dan kukuhkan kewangan negara, beliau berjaya mewujudkan struktur kewangan bagi negara dan bangsa Malaysia.